



Buletin Kelab

Keluaran 13/06

Mac 2006 /Safar 1427H

Dari Abdullah bin 'Amr r.a., Rasulullah s.a.w.bersabda,
"Sampaikanlah pesanku biarpun satu ayat..!"

PENING KEPALAI? BADAN LESU, TAK BERNAYA...? JOM.....!

KITA MELAKSANAKAN KEPALA, SANTAIKAN BADAN!

SURVIVAL CAMP

Tempat : LUBUK TEDUNG, KEMENSAH.
TARIKH : 25 & 26 MAC 2006
Yuran : RM50
Tarikh Tutup : 20hb Mac 2006

Aktiviti-aktiviti menarik :
Jungle Trekking
Memanjat
Memanjat
Mandi Sungai
Kenali Alam Flora Fauna
Jungle Night Trekking

Khas untuk ahli Kelab Kebajikan Kakitangan PMUAM & terhad untuk 30 kekosongan saja.
Sila dapatkan Borang Pendaftaran atau sebarang pertanyaan drp Sdr. Hisham STAD atau Sdr. Wan Mail (RMDD), TQ.

AKTIVITI-AKTIVITI SEMASA ANJURAN KELAB

Kejohanan Boling Pusat Matrikulasi UIAM 2006. akan diadakan pada 8 April 2006 (Sabtu) 9.00 pagi di U Boel, One Utama. Yuran Penyertaan sebanyak RM 25.00 ahli, RM 35.00 bukan ahli. Tarikh tutup 27 Mac, 2006. Untuk keterangan lanjut sila Sdr. Nor Rohaida: 3717 /019-3582482, Sdr. Asnalizam : 3214, Sdr. Mohd Faisal :3369.Hadiah menarik seperti Lucky Draw dan T-Shirt akan diadakan.

Kejohanan Bolasepak Liga 3K telah diadakan pada 16 Januari 2006. Kejohanan ini dianjurkan oleh Kelab Kebajikan dibawah Biro Rehlah & Riadah (Lelaki). Sebanyak 12 pasukan telah mengambil bahagian. Kejohanan Liga 3K telah masuk ke peringkat separuh akhir . Pasukan-pasukan yang memasuki peringkat separuh akhir adalah AL-AQSA ,TANA TORAJA. Dua pasukan belum dapat ditentukan lagi. Bagi mendapatkan keputusan terkini bolehlah melayari laman web kelab.

SURVIVAL CAMP LUBUK TEDUNG KEMENSAH akan didakan pada 11 dan 12 Mac 2006. Program ini dianjurkan oleh Biro Rehlah dan Riadah (Lelaki). Ianya akan diadakan di

Lubuk Tedung, Kemensah, Ulu Kelang. Program ini adalah berbentuk ekspedisi memanjat Bukit Kemensah selama 2 hari. Peserta terbuka kepada semua ahli lelaki sahaja.Ianya bertujuan membentuk fizikal dan mental, hidup di dalam hutan, semangat persaudaraan, disiplin diri dan suasana didalam hutan. Sesiapa yang berminat berminat sila hubungi En. Wan Ismail di 3501 atau En. Hishamuddin di 3155.

KEJOHANAN BOWLING PUSAT MATRIKULASI 2006

8 APRIL 2006 (SABTU)
9.00 PAGI
U BOWL, ONE UTAMA

YURAN PENYERTAAN
RM 25.00 ahli
RM 35.00 bukan ahli

Tarikh tutup
27 Mac, 2006.

PERTANYAAN / PENGESAHAN
SDR NOR ROHAIDA : 3717 /019-3582482
SDR ASNALIZAM : 3214
SDR MOHD FAISAL : 3369

HADIAH-HADIAH MENARIK
LUCKY DRAW
T-SHIRT

Kelab Kebajikan akan menganjurkan lawatan ke majlis perkahwinan saudara Mohd Saifullah Hassan. Majlis tersebut akan dilangsungkan di Rompin, pahang .Beliau adalah salah seorang kakitangan di Jabatan Kejuruteraan Pusat Matrikulasi UIAM. Sesiapa yang berminat untuk menyertai lawatan tersebut sila hubungi En. Abdul Latif :3267 atau En Mohd Sarif Hashim :3713.Bayaran sebanyak RM5.00 akan dikenakan untuk setiap seorang.

Kandungan Buletin

Menguap Menurut Islam	2
Mata dan Nutrisi	2
Sedekah Pendinding Api Neraka	3
Siapa Dia	4
Tidak Terencat Pemikiran	5
Supaya Mudah Mengaji	5
Resepi Bubur Asyura	

Tahniah

En. Azham b Othman dari Jabatan Kemasukan & Rekod telah selamat menimang cahayamata yang pertama, pada 12 Februari 2006

Nama anak : **Mohd Afiq b Azham**

Pn Mazliza Bt Jaafar dari Unit Keselamatan UIAM telah selamat menimang cahayamata pada 29 November 2005

Nama anak : **Nurfarahanim bt Pauzi.**

Takziah

En. Abdul Razak b Abu Bakar.

Pada 20 Februari 2006 ayahanda kepada En. Abdul Razak telah pulang ke rahamatullah. Pihak kelab amat terharu mendengar berita tersebut. Kelab mendoakan semoga roh ayah beliau dicucuri rahmat dan di tempatkan bersama-sama orang-orang yang soleh. Al-fatihah...Semoga En. Abdul Razak tabah menghadapi dugaan dari Allah.



RUANGAN KESIHATAN

Mata Dan Nutrisi

Mencegah rabun malam. Mengambil vitamin A dengan cukup juga penting kerana ia mencegah pembentukan katarak mata. Anda boleh memperoleh vitamin A daripada dua sumber makanan, iaitu hati atau minyak mentega, ataupun ekstrak daripada tumbuh-tumbuhan seperti betacarotene yang akan ditukar menjadi vitamin A oleh tubuh. Makanan mengandungi betacarotene kuning atau hijau, boleh diperolehi daripada minyak ikan kod, hati, daging lembu, hati ayam, lobak, kentang manis, sayur kailan dan mangga.

Vitamin C yang mencukupi boleh mengelakkan katarak mata (katarak terjadi kerana terlalu banyak protein sehingga membuat pandangan menjadi kabur dan imej tidak jelas). Jika anda seorang perokok, peminum alkohol atau mengidap diabetes, dapatkan lebih vitamin C. Vitamin C boleh diperolehi daripada buah-buahan sitrus dan tropikal, kentang, sayuran, oren, brokoli, kailan, anggur, mangga dan strawberi.

Bioflavonoids

Mata juga memerlukan bioflavonoids (ada kalanya digelar vitamin P). Bioflavonoids boleh diperolehi

daripada ceri, anggur dan plum.

Makanan Yang Elok Untuk Kesihatan Minyak Zaitun

Menurut masyarakat orang asli Greek di Crete, minyak zaitun dapat menghindarkan seseorang itu diserang sakit jantung. Ini kerana minyak zaitun dapat merendahkan kandungan kolestrol dalam badan. Malah mengikut pakar kajian Sepanyol, minyak zaitun dapat mencegah badan daripada menghadapi kanser kolon.

Bawang Putih

Bawang putih memang tidak mengurangkan kolestrol atau tekanan darah tinggi. Ia elok untuk jantung. Ini kerana ia dapat mengelakkan lemak melekat di dinding arteri

Tomato

Ia elok untuk kesihatan. Lelaki yang memakan tomato kurang mempunyai risiko dihidapi kanser prostate.

Kacang soya

Pengambilannya dapat mengurangkan daripada mendapat sakit jantung. Ia dapat merendahkan kolestrol dalam darah. Kacang soya juga elok untuk prostate dan ia kaya dengan protein.

MENGUAP MENURUT ISLAM

Daripada Abu Hurairah r. a. bahawasanya Baginda Rasulullah saw bersabda bermaksud: “Sesungguhnya Allah swt suka orang yang bersin, dan membenci orang yang menguap. Maka apabila seseorang kamu bersin, lalu dia mengucapkan 'Alhamdulillah', maka adalah hak atas setiap Muslim yang mendengarnya pula mengucapkan 'Yarhamukallah!'. Adapun menguap itu adalah daripada syaitan. Maka apabila seseorang kamu menguap, hendaklah dia menahannya sekadar termampu. Sebab sesungguhnya apabila seseorang kamu menguap, syaitan akan mentertawakannya”. (Hadith Riwayat Bukhari) Daripada Abu Said Al-Khudri r. a., katanya : Telah bersabda Rasulullah s. a. w. yang bermaksud: “Apabila seseorang kamu menguap, hendaklah dia meletakkan tangannya pada mulutnya, kerana sesungguhnya syaitan itu akan masuk (melalui mulut yang terbuka)”. Riwayat Imam Muslim Nabi Muhammad saw bersabda maksudnya: “Sesungguhnya Allah suka kepada orang-orang yang bersin, dan membenci orang-orang yang menguap. Maka apabila seseorang kamu menguap, jangan sampai berbunyi, kerana yang demikian itu daripada syaitan yang mentertawakanmu”. Hadith riwayat Imam Muslim, Ahmad dan At-Tirmidzi Daripada Abdullah bin Az-Zubair r. a., katanya: Telah bersabda Rasulullah saw yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah swt membenci sesiapa yang mengangkat suara ketika menguap dan bersin”. Hadith riwayat Imam Muslim, Ahmad dan At-Tirmidzi Pengajaran daripada maksud hadith, antara adap-adap menguap dan bersin: 1. Berusaha menahan menguap sekadar termampu terutama ketika solat. 2. Meletakkan tangan di atas mulut untuk menahan menguap sama ada di dalam atau di luar solat. 3. Makruh mengeluarkan suara dan mengangkat bunyi ketika menguap atau bersin. 4. Sunat ketika bersin mengucapkan “Alhamdulillah”, dan orang yang mendengarnya pula mengucapkan “Yarhamukallah”. 5. Sunat mengucapkan “Astaghfirullah” selepas menguap.

SEDEKAH

Pendinding Api Neraka

Pemberian itu merangkumi sedekah dan hadiah. Jika pemberian itu dimaksudkan sebagai satu cara untuk mendekati diri kepada Allah, maka ia dinamakan sedekah, tetapi jika ia dimaksudkan sebagai satu penghargaan, sanjungan dan tanda kasih maka ia dinamakan hadiah.

Bersedekah adalah di antara amalan sunat yang dianjurkan dan digalakkan. Anjuran ini tidaklah hanya ditujukan kepada orang-orang kaya, malahan orang-orang yang berpendapatan rendah pun dianjurkan menurut kadar kemampuan masing-masing.

Nabi Sallallahu `alaihi wasallam bersabda :

Maksudnya : *"Tangan yang di atas (orang memberi) itu lebih baik daripada tangan yang di bawah (yang menerima)"*

Mungkin akan timbul persoalan, kepada siapakah orang yang lebih utama diberi sedekah? Walaupun tidak ramai yang mempersoalkan perkara ini tetapi ia penting untuk diketahui.

Kalau berdasarkan firman Allah Surah al-Balad ayat 15, orang yang terlebih utama diberi sedekah ialah anak yatim dan kaum kerabat. Menurut hadis riwayat Bukhari pula orang yang lebih berhak diberi sedekah ialah suami dan anak. Setelah itu barulah bersedekah kepada orang-orang yang salih yang berbuat kebajikan dan yang mempunyai maruah yang baik.

Di antara kelebihan sedekah itu ialah sebagaimana Firman Allah:

Tafsirnya: "Dan apa jua harta yang halal yang kamu belanjakan (pada jalan Allah) maka (faedah dan pahalanya) adalah untuk diri kamu sendiri. Dan kamu pula tidaklah mendermakan sesuatu melainkan kerana menuntut keredhaan Allah. Dan apa jua yang kamu dermakan daripada harta yang halal, akan disempurnakan balasan pahalanya) kepada kamu, dan (balasan baik) kamu (itu pula) tidak dikurangkan."

(Surah Al-Baqarah: 272)

Nabi Sallallahu `alaihi wasallam pula bersabda :

Maksudnya: "Siapa yang sanggup mendinding dirinya daripada api neraka walaupun dengan (bersedekah) sebelah buah kurma, maka hendaklah dia lakukan."

(Hadis riwayat Muslim)

Dalam sebuah hadis yang lain daripada Anas Radhiallahu `anhu Nabi Sallallahu `alaihi wasallam bersabda bermaksud: *"Bersedekahlah kamu, sesungguhnya bersedekah itu melepaskan kamu daripada Jahannam."*

Begitulah betapa besarnya kelebihan yang akan diperolehi oleh orang-orang yang bersedekah Walau bagaimanapun sedekah yang tersembunyi itu adalah lebih baik dan lebih utama daripada sedekah yang dilakukan secara terang-terangan. Ia lebih dekat kepada keikhlasan yang merupakan roh segala amalan dan ia lebih jauh daripada perasaan riak yang merosakkan amalan.

Firman Allah: Dalam Surah al-Baqarah ayat 271.

Tafsirnya: *"Kalau kamu zahirkan sedekah-sedekah itu (secara terang), maka yang demikian adalah baik (kerana menjadi contoh yang baik). Dan kalau pula kamu sembunyikan sedekah-sedekah itu serta kamu berikan kepada orang-orang fakir miskin, maka itu adalah lebih baik bagi kamu."*

Inilah salah satu amalan yang baik untuk dilakukan. Ia bukan saja salah satu cara untuk mengeratkan silaturrahim, malahan akan dapat meringankan bebanan anggota masyarakat yang berhajat dan memerlukan bantuan.

Sekiranya ada sesiapa yang ingin memberi pendapat artikel bagi kelab sila e-mailkan kepada kami di amin@iiu.edu.my

Siapakah dia .

.. Siapakah orang yang sibuk? Orang yang sibuk adalah orang yang tidak mengambil berat akan waktu solatnya seolah-olah ia mempunyai kerajaan seperti kerajaan Nabi Sulaiman a.s

Siapakah orang yang manis senyumanya?

Orang yang mempunyai senyuman yang manis adalah orang yang ditimpa musibah lalu dia kata "Inna lillahi wainna illaihi rajiun." Lalu sambil berkata,"Ya Rabbi Aku redha dengan ketentuanMu ini", sambil mengukir senyuman.

Siapakah orang yang kaya? Orang yang kaya adalah orang yang bersyukur dengan apa yang ada dan tidak lupa akan kenikmatan dunia yang sementara ini.

Siapakah orang yang miskin? Orang yang miskin adalah orang tidak puas dengan nikmat yang ada sentiasa menumpuk - numpukkan harta.

Siapakah orang yang rugi? Orang yang rugi adalah orang yang sudah sampai usia pertengahan namun masih berat untuk melakukan ibadat dan amal-amal kebaikan.

Siapakah orang yang paling cantik? Orang yang paling cantik adalah orang yang mempunyai akhlak yang baik.

Siapakah orang yang mempunyai rumah yang paling luas? Orang yang mempunyai rumah yang paling luas adalah orang yang mati membawa amal-amal kebaikan di mana kuburnya akan di perluaskan saujana mata memandang.

Siapakah orang yang mempunyai rumah yang sempit lagi dihimpit? Orang yang mempunyai rumah yang sempit adalah orang yang mati tidak membawa amal-amal kebaikkkan lalu kuburnya menghimpitnya.

Siapakah orang yang mempunyai akal? Orang yang mempunyai akal adalah orang-orang yang menghuni syurga kelak kerana telah menggunakan akal sewaktu di dunia untuk menghindari seksa neraka.

BERSAMA NAIB Pengerusi Bahagian HAL-EHWAL WANITA

Nama: Kalsom Wan Adam.

No staff: 1207

Jawatan di UIA: Kaun-selor

Jawatan di Kelab: Naib Pengerusi Bahagian Hal-Ehwal Wanita



Alamat :

7368 Jalan Akik, taman Setia, Gombak Setia, 53100 Kuala Lumpur.

Berapa lama jadi ahli kelab: Sejak Masuk pada 1991

Tarikh Lahir : 17 Jun 1957

Tempat lahir : Kelantan Darul Naim.

Email : wakalsom@iiu.edu.my

Berapa Cahaya Mata : 7 orang , 3 Lelaki , 4 perempuan

Harapan terhadap kelab:

Terus memperkukuhkan kefahaman ahli terhadap objektif penubuhan kelab

Kenangan manis bersama kelab :

Terlalu banyak terutama kebaikan ahli menjayakan aktiviti-aktiviti kelab

Kenangan pahit bersama kelab: Bila ahli-ahli tidak memberi sebarang cadangan tapi mengkritik sesama mereka.

Cadangan kepada Kelab: Be more pro-active,. Be more organized member are always the asset.

MUTIARA KATA

Orang yang paling lama mengalami kesusahan ialah orang yang dengki, tenang hidupnya ialah orang yang qana'ab. Rendah kehidupan ialah orang yang menolak dunia. Dan paling besar penyesalannya ialah orang berilmu yang melampaui batas.



SUPAYA ANAK-ANAK TIDAK TERENCAT PEMIKIRAN

Dalam usaha hendak menjadikan anak-anak taat, kebanyakan ibu bapa mencipta pelbagai undang-undang tersendiri keluarga. Undang-undang ini jika dilanggar akan menyebabkan anak-anak dihukum, biasanya tarik telinga, cubit atau menampar di lengan atau punggung. Perbuatan ini bagus pada asalnya, tetapi haruslah diingat terlalu kerap menghukum anak-anak walaupun tujuan asalnya untuk menjadikannya baik akan mengakibatkan:

1. anak-anak terbiasa dengan kesakitan, justeru pukulan-pukulan berikutnya sudah tidak memberi apa-apa kesan.
2. mereka menjadi insan penakut dan ini memungkinkan kerencatan pemikiran.
3. daya kreativiti mereka akan hilang sedikit demi sedikit.
4. perasaan kasih dan sayangkan ibu bapa pudar.
5. timbul suatu dendam dalam jiwa anak-anak sehingga menyebabkannya menjadi nakal.
6. kenangan yang tidak menyenangkan dan kekal sehingga mereka dewasa.

Sebaiknya undang-undang keluarga dibentuk hanya apabila kesalahan yang dilakukan oleh anak-anak itu terlalu berat umpamanya mencuri atau memukul kawan. Kesalahan-kesalahan kecil yang kebanyakannya dilakukan secara 'tidak sedar' atau 'tidak tahu perbuatan berkenaan salah' harus dimaafkan saja dan diiringkan dengan nasihat-nasihat berhikmah.

Rasulullah s.a.w. bersabda; *"Hendaklah kamu memuliakan dan meraikan anak-anak kamu itu dan hendaklah kamu memperbaiki akhlak mereka kerana anak-anak kamu itu ialah hadiah Tuhanmu kepadamu."*

SUPAYA MUDAH MENGAJI

Kesabaran ibu bapa terhadap kebalan anak-anak menghafaz huruf-huruf muqaddam memang seringkali teruji. Ketidaksabaran ini juga sering menyebabkan ibu bapa 'hilang pertimbangan' hingga meninju anak-anak yang gagal menghafaz pada waktu-waktu yang mereka fikirkan sudah sepatutnya mahir. Perbuatan ini harus dielakkan sedaya mungkin dan gunakan kebijaksanaan sendiri sewaktu mengajar dan ingatlah setiap kanak-kanak mempunyai tahap pemahaman dan daya ingat yang berbeza-beza.

Kaedah-kaedah yang sepatutnya digunakan :-


1. memastikan si anak belajar membaca al-Quran itu sekitar 15 minit SETIAP HARI. Waktunya ialah selepas sembahyang Maghrib.
2. menegur dengan menggunakan isyarat seperti mengerakkan-gerakkan lidi penuding kepada huruf yang salah disebutnya berkali-kali tanpa segera memberitahu sebutan yang betul. Apabila si anak benar-benar tidak dapat menyebutnya barulah diterangkan.
3. juga menegur dengan bunyi-bunyi tertentu seperti "em", "heh" dan lain-lain.
4. hanya menggunakan tangan (memukul pada pahanya) apabila huruf yang sama atau sebutan yang sama setelah diterangkan berhari-hari masih juga tidak dapat diingatinya.
5. tidak sering memberi pujian jika dia dapat membaca dengan lancar, kecuali bacaannya betul seratus peratus.
6. memasamkan wajah sekitar 30 minit selepas mengaji itu sekiranya dia gagal membaca dengan betul. Sebaliknya memesrakan lagi hubungan dengan gurau senda dan sebagainya jika bacaannya betul.
7. berikan sesuatu yang menyukakannya dan apabila dia bertanya; "Mengapa ayah belikan ini?", jawablah; "Sebab kamu pandai mengaji."

RESEPI

BUBUR ASYURA

Bahan-bahan:

- 2 cawan gula merah
- 1 cawan gula putih
- 1/2 - 3/4 cawan air paip
- 1 1/2 cawan tepung beras
- 1/2 camca garam
- 1 1/2 cawan santan pekat
- 2 cawan air paip
- Bahan kekacang
 - 1 sudu besar sagu - direndam
 - 1/4 cawan kacang hijau - direbus
 - 2 sudu besar kacang merah - direbus (boleh juga guna red kidney beans)
 - 1/4 tin jagung
 - 1/4 cawan kacang tanah - dibakar, buang kulit dan tumbuk/blend kasar
 - sedikit gajus dan badam - dibakar, dan ditumbuk/blend kasar
 - * boleh juga dimasukkan keledak dan pisang - direbus dulu



Cara membuat:

1. Masak gula merah, gula putih dan air paip. Kemudian ditapis.
2. Satukan santan dan air di dalam periuk. Kemudian campurkan tepung beras ke dalam santan sedikit demi sedikit sehingga sehati.
3. Campurkan air gula yang telah ditapis ke dalam bancuhan santan dan tepung. Masak di atas api sederhana, sambil dikacau selalu supaya tidak berkerak.
4. Apabila agak pekat, masukkan bahan kekacang dan kacau sehingga bubur lekang daripada periuk. Lepas tu masukkan dalam bekas plastik

GADON TELUR MASIN

Bahan-Bahannya :

- 1 lembar daun salam dipotong-potong
- 200ml santan dari 1/2 biji kelapa
- 4 buah cili hijau dihiris menyerong
- 50gm ayam giling / daging lembu giling
- 4 biji telur masin mentah
- Daun pisang untuk membungkus
- Bumbu Dikisar Halus :
 - 1 sudu teh ketumbar
 - 1/8 sudu teh jintan
 - 2 ulas bawang putih
 - 6 biji bawang merah

Cara Membuatnya :

- Gaul bumbu yang telah dikisar halus dengan santan.
- Masukkan ayam giling / daging giling, gaul hingga rata.
- Tuang santan, gaul rata.
- Ambil selembar daun pisang, sudukan campuran daging.
- Taburkan daun salam, cili hijau, dan cili padi.
- Pecahkan sebutir telur masin.
- Bungkus berbentuk lalu disemat dengan lidi.
- Kukus selama 30 minit hingga masak.

24 PERKARA JANGAN DILAKUKAN

Sesungguhnya di dalam hidup kita dikelilingi oleh perkara-perkara yang menyeronokkan. Tetapi itulah sesungguhnya yang mendatangkan keburukan kepada kita. Di bawah ini terdapat 24 perkara - perkara yang jangan dilakukan yang seharusnya kita ambil iktibar supaya kita dapat memuhasabah dirisendiri. :

1. Jangan sengaja lewatkan solat. Perbuatan ini tidak disukai oleh ALLAH s.w.t.
2. Jangan masuk ke bilik air tanpa memakai alas kaki (selipar).Dikhuatiri terbawa keluar najis dan mengotori seluruh rumah kita.
3. Jangan makan dan minum dalam bekas yang pecah @ sumbing. Makruh kerana ianya membahayakan.
4. Jangan biarkan pinggan mangkuk yang telah digunakan tidak berbasuh.Makruh dan mewarisi kepapaan.
5. Jangan tidur selepas solat Subuh, nanti rezeki mahal (kerana berpagi-pagi itu membuka pintu berkat)
6. Jangan makan tanpa membaca BISMILLAHHIRRAHMANNIRAHIM dan doa makan.Nanti makanan yang dimakan adalah dari muntah syaitan.
7. Jangan keluar rumah tanpa niat membuat kebajikan @ kebaikan.Takut-takut mati dalam perjalanan.
8. Jangan pakai kasut atau selipar yang berlainan pasangan. Makruh dan mewarisi kepapaan.
9. Jangan biar mata liar di perjalanan. Nanti hati kita gelap diselaputi dosa.
10. Jangan bergaul bebas ditempat kerja. Banyak buruk dari baiknya.
11. Jangan menangguk taubat bila berbuat dosa kerana mati boleh datang bila-bila masa.
12. Jangan ego untuk meminta maaf kepada kedua ibubapa dan sesama manusia kalau memang kita bersalah.
13. Jangan mengumpat sesama rakan taulan. Nanti rosak silaturrahim..
14. Jangan lupa bergantung harap hanya kepada ALLAH s.w.t dalam setiap kerja kita. Nanti sombong bila berjaya dan kecewa pula bila gagal.
15. Jangan bakhil untuk bersedekah. Sedekah itu memanjangkan umur dan memurahkan rezeki kita.
16. Jangan banyak ketawa nanti mati jiwa.
17. Jangan biasakan berbohong kerana ia adalah ciri-ciri munafik dan menghilangkan kasih sayang orang kepada kita.
18. Jangan suka menganiaya manusia atau haiwan kerana doa makhluk yang teraniaya cepat dimakbulkan ALLAH s.w.t.
19. Jangan terlalu susah hati dengan urusan dunia. Akhirat itu lebih utama dan kekal selamanya. Carilah kehidupan dunia untuk akhirat.
20. Jangan duduk dalam bilik air terlalu lama kerana disitulah tempat tinggal jin kafir dan syaitan.
21. Jangan merokok dan memasang kemenyan kerana asap itu adalah makan jin.
22. Jangan lupa membaca BISMILLAHHIRRAHMANNIRAHAIM dan salam ketika masuk kerumah dikhuatiri jin dan syaitan masuk bersama.
23. Jangan memakai tangkal kerana ALLAH s.w.t tidak sempurnakan agama seseorang itu jika memakai tangkal ini adalah kerana dikhuatiri kita bergantung kepada tangkal bukan kepadaNYA.
24. Jangan mempertikaikan kenapa ISLAM itu berkata jangan sebab semuanya untuk kebaikan dan sesungguhnya ALLAH s.w.t itu lebih mengetahui. Yang baik itu adalah dari ALLAH s.w.t dan yg. buruk itu dari hambanya juga. Wallahuallam



Manusia Bangkit Dari Kubur Dalam 12 Barisan

Suatu ketika, Muaz bin Jabal r. a. menghadap Rasulullah s. a. w dan bertanya: "Wahai Rasulullah, tolong huraikan kepadaku mengenai firman Allah s. a. w: "Pada sangkakala ditiup, maka kamu sekalian datang berbaris-baris" -(Surah an-Naba':18)

Mendengar pertanyaan itu, baginda menangis hingga basah pakaiannya. Lalu Baginda menjawab:

"Wahai Muaz, engkau telah bertanyakan kepada aku, perkara yang amat besar, bahawa umatku akan digiring, dikumpulkan berbaris-baris menjadi 12 barisan, masing-masing dengan pembawaan mereka sendiri.... Maka dinyatakan apakah 12 barisan berkenanaan iaitu:

BARISAN PERTAMA Diiringi dari kubur dengan tidak bertangan dan berkaki. Keadaan mereka ini dijelaskan melalui satu seruan dari sisi Allah Yang Maha Pengasih: " Mereka itu adalah orang-orang yang ketika hidupnya menyakiti hati jirannya, maka in balasannya dan tempat kembali mereka adalah neraka..."

BARISAN KEDUA Diiringi dari kubur berbentuk babi hutan. Datanglah suara dari sisi Allah yang maha pengasih: "Mereka itu adalah orang yang ketika hidupnya meringankan solat, maka inilah balasannya dan tempat kembalinya adalah neraka..."

BARISAN KETIGA Mereka berbentuk keldai, sedangkan perut mereka penuh dengan ular dan kala jengking. "Meraka ini adalah orang yang enggan membayar zakat, maka inilah balasannya dan tempat kembali mereka adalah neraka..."

BARISAN KEEMPAT Diiringi dari kubur dengan keadaan darah seperti air pancutan keluar dari mulut mereka. "Mereka ini adalah orang yang berdusta didalam jual beli, maka inilah balasannya dan tempat mereka adalah neraka..."

BARISAN KELIMA Diiringi dari kubur dengan bau busuk daripada bangkai. Ketika itu Allah s. a. w menurunkan angin sehingga bau busuk itu mengganggu ketenteraman di Padang Masyar. "Mereka ini adalah orang yang menyembunyikan perlakuan derhaka takut diketahui manusia tetapi tidak pula rasa takut kepada Allah s. a. w, maka inilah balasannya dan tempat kembali mereka adalah neraka..."

BARISAN KEENAM Diiringi dari kubur dengan keadaan kepala mereka terputus dari badan. "Mereka adalah orang yang menjadi saksi palsu, maka inilah balasannya dan tempat kembali mereka adalah neraka..."

BARISAN KETUJUH Diiringi dari kubur tanpa mempunyai lidah dari mulut mereka mengalir keluar nanah dan darah. "Meraka itu adalah orang yang enggan memberi kesaksian di atas kebenaran, maka inilah balasannya dan tempat kembali mereka adalah neraka..."

BARISAN KELAPAN Diiringi dari kubur dalam keadaan terbalik degan kepala kebawah dan kaki keatas. " Meraka adalah orang yang berbuat zina, maka inilah balasannya dan tempat kembali mereka adalah neraka..."

BARISAN KESEMBILAN Diiringi dari kubur dengan berwajah hitam gelap dan bermata biru sementara dalam diri mereka penuh dengan api gemuruh. " Mereka itu adalah orang yang makan harta anak yatim dengan cara haram, maka inilah balasannya dan tempat kembali mereka adalah neraka..."

BARISAN KESEPULUH Diiringi dari kubur mereka dalam keadaan tubuh mereka penuh dengan sopak dan kusta. "Mereka adalah orang yang derhaka kepada orang tuanya, maka inilah balasannya dan tempat kembali mereka adalah neraka..."

BARISAN KESEBELAS Diiringi dari kubur mereka dengan berkeadaan buta, gigi mereka memanjang seperti tanduk lembu jantan, bibir mereka melebar sampai kedada dan lidah mereka terjulur memanjang sampai keperut dan keluar beraneka kotoran. "Mereka adalah orang yang minum arak, maka inilah balasannya dan tempat kembali mereka adalah neraka..."

BARISAN KEDUA BELAS Mereka diiringi dari kubur dengan wajah yang bersinar-sinar laksana bulan purnama. Mereka melalui titian sirat seperti kilat. Maka, datanglah suara dari sisi Allah Yang Maha Pengasih memaklumkan: "Mereka adalah orang yang beramal soleh dan banyak berbuat baik. Meraka menjauhi perbuatan derhaka, mereka memelihara solat lima waktu, ketika meninggal dunia keadaan mereka bertaubat, maka inilah balasannya dan tempat kembali mereka adalah syurga, mendapat keampunan, kasih sayang dan keredhaan Allah yang maha pengasih..."